

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	12 May 2015

Perjuangan untuk kepentingan negara – Perdana Menteri

Um - 12/5/2015

KUALA LUMPUR 11 Mei - Datuk Seri Najib Tun Razak menegaskan, perjuangan beliau selama ini bukan tentang dirinya tetapi untuk kepentingan negara.

Perdana Menteri berkata, setiap pemimpin menghadapi cabaran yang berbeza, tidak terkecuali beliau sendiri.

"Saya sedar akan tohmahan dan kritikan yang dilemparkan ke arah kepemimpinan kini, namun mandat yang diberikan kepada saya adalah melalui proses demokrasi dan ditentukan oleh rakyat serta ahli UMNO seluruh negara.

"Oleh itu, saya tidak akan tunduk kepada sebarang tekanan. *At the end of the day, this struggle is not about me, it is for the nation* (Pada akhirnya, perjuangan ini bukan tentang saya, tetapi untuk negara)," kata Perdana Menteri menerusi laman Facebook miliknya hari ini.

Sementara itu, penganalisis politik berpendapat walaupun Najib kini berdepan dengan pelbagai kritikan serta desakan supaya melepaskan jawatan, namun perkara tersebut dilihat tidak menjejaskan sokongan rakyat kepada Perdana Menteri dan UMNO.

Pensyarah Kanan Sekolah Perdana, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), **Dr. Mazlan Ali** berkata, bagi memastikan sokongan berkenaan, pemimpin parti keramat itu perlu memberi penjelasan berkaitan isu-

Oleh itu, saya tidak akan tunduk kepada sebarang tekanan. *At the end of the day, this struggle is not about me, it is for the nation* (Pada akhirnya, perjuangan ini bukan tentang saya, tetapi untuk negara)"

NAJIB TUN RAZAK

isu berbangkit agar rakyat tidak terpengaruh dengan hasutan pihak lain.

Katanya, rakyat memberi maklum balas daripada isu yang mereka tidak faham seperti pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) dan Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji), dalam masa sama terdapat pihak yang mempolitikkan isu tersebut.

"Dari sudut undi UMNO, tidak ada sebarang masalah yang boleh menjejaskan perkembangan politik Perdana Menteri, cuma dari sudut persepsi rakyat terhadap isu yang timbul, perlu diubah melalui penjelasan dan penerangan pucuk pimpinan.

"Sekiranya para pemimpin negara tidak memberi penjelasan

kepada rakyat, maka pihak lawan akan menggunakan kelemahan ini sebagai senjata menyerang untuk menjatuhkan Perdana Menteri," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Semalam, ketika berucap dalam program Solidariti Rakyat Sabah bersama Perdana Menteri, Najib menegaskan, beliau tidak akan tunduk kepada mana-mana tekanan yang mahukan beliau meletak jawatan sebagai Perdana Menteri dan Presiden UMNO.

Katanya, selagi rakyat menyokong beliau untuk menerajui kepimpinan negara sebagai Perdana Menteri dan ahli UMNO terus teguh menyokongnya sebagai Presiden parti, maka beliau tidak akan berganjak daripada jawatan yang disandangnya sekarang.

Dalam pada itu, penganalisis politik, **Prof. Dr. Jayum Jawan** berkata, desakan yang diterima Perdana Menteri daripada pelbagai pihak sekian hari semakin bertambah dan hal ini perlu ditangani segera.

"Perdana Menteri perlu tampil dan bersuara dalam menguruskan hal ini, sekali gus mengelakkan kekeliruan pelbagai pihak.

"Walaupun menerima desakan daripada pelbagai pihak, namun negara masih memberi kepercayaan kepada beliau dan ini merupakan satu peluang yang harus digunakan Perdana Menteri untuk mengatasi segala cabaran yang melanda," katanya.